



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	16/5/2019	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Masuk penjara ceroboh hutan

Kuantan: Tindakan seorang warga Indonesia membina kilang papan haram dan menceroboh hutan simpan kekal pada awal tahun ini mengundang padah apabila dia dijatuhi hukuman penjara lima bulan oleh Mahkamah Sesyen, di sini, semalam.

Tertuduh, Amirudin, 55, sebelum itu membuat pengakuan bersalah selepas dua pertuduhan terbaca terhadapnya di hadapan Hakim Siti Aminah Ghazali.

Mengikut pertuduhan pertama, dia didakwa terbabit dalam menguruskan industri berasaskan kayu iaitu kilang papan tanpa lesen sah di Hutan Simpan Bukit Ibam, di sini, pada 31 Januari lalu, jam 12.15 tengah hari.

Dia melakukan kesalahan itu mengikut Subseksyen 3(3), Enakmen Industri Berasas Kayu 1985 yang memperuntukkan hukuman denda tidak lebih RM25,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh pada hari, masa dan lokasi sama didakwa memasuki kawasan hutan berkenaan tanpa permit, lesen atau kebenaran sah.



AMIRUDIN selepas mengaku menguruskan kilang papan haram di Hutan Simpan Bukit Ibam, semalam.

Bagi kesalahan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 47(1) Akta Perhutanan Negara 1984 yang memperuntukkan hukuman denda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Perhutanan Semanjung Malaysia, Mason Jaro Lenya Barayan manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Sementara itu, dalam rayuannya tertuduh memohon supaya mahkamah menjatuhkan hukuman ringan terhadapnya atas alasan dia perlu menyara isteri dan lima anak di Indonesia.

Siti Aminah kemudian menjatuhkan hukuman penjara tiga bulan bagi pertuduhan pertama dan penjara lima bulan untuk pertuduhan kedua serta mengarahkan kedua-dua hukuman itu dijalankan serentak.